

31 JUL 1997

Nawaz-Tiba

PERDANA MENTERI PAKISTAN TIBA UNTUK LAWATAN RASMI TIGA HARI

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Pakistan Nawaz Sharif tiba di sini hari ini untuk memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia bertujuan memperkukuhkan hubungan ekonomi kedua-dua negara.

Beliau disambut di Lapangan terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Turut hadir Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Tajol Rosli Ghazali sebagai Menteri Pengiring.

Nawaz diiringi isterinya Begum Kulsoom dan rombongan seramai 50 orang terdiri daripada menteri-menteri dan ahli perniagaan yang mewakili pelbagai sektor ekonomi Pakistan.

Menteri-menteri yang turut serta termasuk Menteri Luar Gohar Ayub Khan, Menteri Perdagangan Mohamad Ishaq Dar dan Menteri Kewangan Sartaj Aziz serta Pengerusi Suruhanjaya Penswastaan Pakistan Khwaja Asif.

Lawatan Nawaz yang menjadi Perdana Menteri untuk kali kedua pada Februari tahun ini, merupakan kunjungan balas terhadap lawatan Dr Mahathir ke Pakistan pada April.

Imbangan perdagangan antara kedua-dua negara berjumlah AS\$650 juta dalam tempoh 1995/1996. Import Pakistan berjumlah AS\$708 juta sementara eksportnya ke Malaysia sebanyak AS\$56 juta bagi tempoh yang sama.

Pemimpin Pakistan itu kemudian dibawa ke medan Parlimen untuk upacara sambutan rasmi.

Sebanyak 21 das tembakan meriam mengiringi ketibaan Nawaz yang kemudian memeriksa barisan kehormat pegawai-pegawai dan anggota Batalion Pertama Regimen Askar Melayu Diraja.

Beliau kemudian diperkenalkan oleh Dr Mahathir kepada menteri-menteri kabinet dan barisan anggota diplomat.

Nawaz akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah di Istana Negara kemudian.

Esok Nawaz akan mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir di pejabat Perdana Menteri dan kemudian kedua-dua pemimpin dijadual menyaksikan majlis menandatangani beberapa perjanjian projek yang diusahakan oleh ahli-ahli perniagaan kedua-dua negara.

Nawaz juga akan menerima kunjungan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kemudian Penasihat Ekonomi Kerajaan Tun Daim Zainuddin di bilik penginapannya di Hotel Regent.

Pada Sabtu Nawaz akan melawat Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di Bukit Kiara dekat sini sebelum menyampaikan ucap utama di jamuan tengah hari anjuran Dewan Peniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia di Hotel Istana.

Beliau akan berlepas pulang pada Ahad. -- BERNAMA
ARA RON